

# Majlis Makan Malam Sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-13

Oleh: Noorakmar Ab. Wahab dan Mohd. Rosni Sulaiman

Tanggal 25 November 2011 menjadi detik bersejarah buat Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) kerana telah dipilih buat pertama kalinya sebagai pengajur majlis makan malam sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-13 yang telah diadakan di Hotel Pacific Sutera, Sutera Harbour, Kota Kinabalu. Bertepatan dengan bulan penubuhan UMS, majlis makan malam kali ini turut meraikan sambutan ulangtahun ke-17 UMS. Bersempena dengan tema, hiasan dan dekorasi berasaskan warna biru dan putih telah memeriahkan suasana di dalam dewan pada malam tersebut.

Majlis makan malam ini diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin dan isteri Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Hajah Norlidah Datuk R.M. Jasni. Majlis makan malam telah dimulakan dengan irungan pancaragam Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi nyanyian lagu 'Negaraku' dan 'Sabah Tanah Airku'. En. Mohd Nazri Abdul Rahman, pensyarah SSMP dan Puan Feria Lee, Penerbit Rancangan, Bahagian Perhubungan Korporat, UMS bertindak selaku pengacara majlis pada malam tersebut.

Sejurus selepas ucapan aluan oleh Y.Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh, Pengurus Lembaga Pengarah UMS, gesekan alunan biola memainkan lagu



'Sedetik Lebih' berkumandang di dalam dewan dengan sebiji kek dibawa masuk bagi meneruskan upacara simbolik memotong kek sempena sambutan ulang tahun UMS ke-17. Kek 3-D berbentuk bangunan Canselori UMS ini telah ditaja oleh Hotel Pacific Sutera, Sutera Harbour. Upacara memotong kek telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Sabah dan isteri serta para jemputan kehormat bersama isteri masing-masing dengan irungan nyanyian lagu 'Selamat Hari Jadi' oleh pelajar Sekolah Pengajian Seni (SPS) UMS serta para tetamu di dalam dewan.

Seterusnya, jamuan makan malam dimulakan dengan selingan persembahan nyanyian, lakonan dan dikir barat oleh para pelajar Sekolah Pengajian Seni, UMS, yang diselia oleh En. Resot Iggau. Montaj tayangan video sejarah penubuhan UMS,

pembangunan sehingga perkembangan terkini UMS selama 17 tahun turut dipaparkan.

Pada majlis tersebut juga telah diadakan Majlis Penyampaian Anugerah dan Pingat kepada Graduan cemerlang UMS. Penyampaian anugerah dan pingat telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin.

Sekalung tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga SSMP di atas kejayaan pengajuran majlis makan malam sempena majlis konvokesyen UMS ke-13 pada kali ini. Diharapkan ianya menjadi kenangan terindah yang terpahat dalam ingatan semua warga SSMP dan menjadi satu platform latihan bagi warga SSMP yang mungkin boleh digunakan pada masa akan datang.